

22 FEB 2003

Khalil-Umno

SELESAIKAN SIDANG KEMUNCAK NAM, KATA KHALIL

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata semua pihak khususnya anggota Umno perlu memberi tumpuan kepada penganjuran Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 yang sedang berlangsung hingga Selasa, di ibu negara.

Beliau berkata selepas itu, mereka bolehlah membincangkan mengenai perhimpunan agung parti tahun ini.

Menurutnya setiap anggota parti perlu mengambil iktibar kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu.

"Nantilah kita habiskan NAM ni dulu. (Sidang Kemuncak Kuala Lumpur) ini adalah sangat penting bagi kita kerana kita merupakan negara tuan rumah.

"Kalaupun kita adakan (perhimpunan agung Umno) pada Jun, kita masih ada masa. So, kita habiskan ini (sidang kemuncak NAM) dulu, bagi semua orang fokus pada NAM.

"Kita ambil iktibar kenyataan PM (mengenai penangguhan perhimpunan parti)," katanya semasa menjawab pertanyaan wartawan mengenai tarikh perhimpunan agung Umno tahun ini.

Terdahulu, beliau melawat Pusat Media Sidang Kemuncak NAM ke-13 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, semasa diminta mengulas cadangan supaya perhimpunan agung Umno, yang dijadual pada Jun ditangguhkan sehingga Oktober, berkata beliau tidak nampak sebab mengapa ia perlu ditangguhkan sehingga Oktober.

Tulisan Awang Selamat dalam ruangan "Bisik-bisik Mingguan" akhbar Mingguan Malaysia 16 Feb lepas menyarankan supaya perhimpunan agung parti itu ditangguhkan sehingga Oktober.

Awang Selamat menulis sekiranya perhimpunan itu ditangguhkan ke bulan Oktober, ia akan disesuaikan dengan suasana peralihan kuasa Dr Mahathir kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang telah dinamakan sebagai penggantinya.

Pandangan bagi menangguhkan perhimpunan agung itu bertujuan menjadi satu acara penting terakhir untuk Dr Mahathir sebelum beliau mengundur diri.

Dr Mahathir mengumumkan beliau akan meletakkan jawatan dalam kerajaan dan parti pada Oktober ini selepas Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

-- BERNAMA

HS AZZ NAK